

# Hanya Islam agama yang benar

## Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

**F**IRMAN Allah yang bermaksud: *Sesungguhnya agama (yang benar dan diredei) di sisi Allah SWT ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya.* (ali-'Imran: 19)

Muhammad Quraish Shihab berkata: "Ayat yang lalu menegaskan bahawa tiada tuhan, yakni tiada Penguasa yang memiliki dan mengatur seluruh alam kecuali Dia Yang Maha Perkasa lagi Bijaksana. Jika demikian, ketundukan dan ketaatan kepada-Nya adalah kepercayaan yang tidak boleh dibantah.

"Sehingga itu hanya keislaman yakni penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT yang diakui dan diterima di sisi-Nya. Agama atau ketaatan kepada-Nya merupakan alamat penyerahan diri secara mutlak kepada Allah SWT. Islam dalam erti penyerahan diri adalah hakikat yang ditetapkan Allah SWT dan diajarkan oleh para Nabi sejak dari Nabi Adam AS hinggalah Muhammad SAW".

### Iktibar dan fiqh ayat ke-19 ali-'Imran

Ibn Jarir meriwayatkan daripada Qatadah, katanya Islam ialah penyaksian bahawa Tuhan itu hanyalah Allah SWT dan mengakui segala yang datang adalah daripada Allah SWT.

Islam merupakan agama Allah SWT yang disyariat untuk diri-Nya. Oleh itu, Dia mengutus para Rasul dan para wali-Nya untuk membawa risalah Islam. Dia tidak akan menerima agama lain selain daripada Islam dan tidak berhajat menganugerahkan ganjaran di luar daripada agama (Islam).

Al-Qurtubi berkata: "Al-Din dalam ayat ini ialah ketaatan dan agama. Islam dengan makna iman dan taat". Inilah juga pendapat Abu al-'Aliyah dan jumhur Mutakallimin.

Menurut Ibn Kathir ayat ini mengandungi peringatan dari Allah SWT bahawa tiada agama di sisi-Nya dan yang diterima-Nya dari seorang pun kecuali Islam iaitu mengikuti Rasul-Rasul yang diutus-Nya setiap saat hingga berakhir dengan Muhammad SAW. Dengan kehadiran beliau, telah tertutup semua jalan menuju Allah SWT kecuali jalan dari arah Baginda sehingga siapa yang menemui Allah



UMAT Islam hanya menyembah Allah yang esa yang menjadi tempat memohon segala hajat dan pertolongan. - Gambar Hiasan

SWT setelah diutusnya Muhammad SAW dengan menganut satu agama selain syariat yang beliau sampaikan, maka tidak diterima oleh-Nya.

Syeikh Al-Sya'rawi menyatakan bahawa Islam tidak terbatas hanya pada risalah Muhammad SAW sahaja. Sebenarnya Islam adalah ketaatan makhluk kepada Tuhan Yang Maha Esa dalam ajaran yang dibawa oleh para Rasul, yang didukung oleh mukjizat dan bukti-bukti yang meyakinkan.

Islam untuk ajaran para Nabi yang lalu merupakan sifat, sedang umat Nabi Muhammad SAW memiliki keistimewaan dari sisi kesinambungan sifat sekali gus menjadi tanda dan nama baginya. Ini kerana Allah SWT tidak lagi menurunkan agama selepas datang Nabi Muhammad SAW.

Selanjutnya Syeikh al-Sya'rawi mengemukakan bahawa nama (Muhammad SAW) ini telah ditetapkan jauh sebelum kehadirannya.

Muhammad Quraish Shihab berkata: "Ayat di atas menegaskan bahawa mereka telah mengetahui kebenaran, namun demikian mereka bukan sahaja dikedam bahkan diancam dengan sedemikian rupa".

Beragama bukan sekadar pengetahuan tetapi ketundukan dan ketaatan. Keberagamaan memerlukan buah sedangkan tumbuhan tidak akan berbuah jika tiada tanah yang subur merupakan kesucian hati. Bukankah air yang tercurah dari langit tidak menghasilkan buah tanpa ada tanah yang subur yang digarap?

Mereka yang berselisih kerana enggan menerima ajaran para Rasul, apa lagi setelah mereka ketahui adalah orang-orang kafir terhadap ayat-ayat Allah SWT dan barang siapa yang kafir

terhadap ayat-ayat Allah SWT maka Allah SWT akan menjatuhkan hukuman ke atasnya.

Hukuman yang sangat cepat dan jangannya kamu menduga ia lambat kerana Allah SWT sangat cepat hisabnya.

Bagi mendapat penjelasan berkenaan dengan maksud iman, Islam, usuluddin dan akidah diterangkan di sini pengertiannya.

Pertama: Iman dari segi bahasa adalah percaya dan membenarkan. Kata Ibnu Mandzur di dalam kitab Lisan al-Arab, "Ulama-ulama bahasa Arab dan yang lainnya telah sepakat menyatakan bahawa pengertian iman adalah percaya dan membenarkan".

### Iman

Sementara iman dari segi istilah syarak pula adalah percaya dan membenarkan segala yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW tentang segala ajaran agama yang mudah diketahui.

Kedua: Islam dari segi bahasa ialah penyerahan, pengakuan, kepatuhan dan meninggalkan sebarang bentuk penentangan dan keengganan.

Pengertian Islam dari segi syarak pula ialah pelaksanaan serta kepatuhan kepada segala ajaran agama yang mudah diketahui, yang dibawa oleh Rasulullah SAW atau terdapat dalil yakin yang mentafsirkan pengertian Islam sebagaimana hadis Jibril AS.

Ketiga: Akidah dari segi bahasa ialah sesuatu yang menambat hati seseorang. Daripada itu, pengertian tersebut digunakan sebagai anutan seseorang terhadap pemikiran dan pendapat yang diimaninya, dan meresap ke dalam hati

sanubari yang akhirnya membentuk tindak-tanduk dan tingkah-lakunya.

Justeru ada pendapat yang mentakrifkan manusia sebagai makhluk yang boleh dipimpin dari dalam dirinya sendiri iaitu segala kepercayaan dan sesuatu yang diimaninya.

Menurut kamus *Misbah al-Munir*, perkataan aku beriktihad demikian bermaksud aku menambat hati sanubari kepadanya, dan perkataan aqilah bermaksud sesuatu fahaman yang dianuti oleh seseorang sehingga dia mempunyai pegangan yang baik dan tidak diragui.

Pengertian akidah pada istilah pula ialah para ulama Islam menggunakan perkataan akidah ini sebagai ilmu yang lazimnya bermaksud ilmu yang membahaskan perkara yang wajib dipercayai dan diimani oleh seseorang dengan dalil yang sahih dan meyakinkan.

Akidah juga dinisbahkan kepada prinsip-prinsip agama itu sendiri yang thabit dengan dalil yang kukuh.

Keempat: Perkataan Usul ialah kata janaq daripada perkataan asal. Dari segi bahasa ia merupakan sesuatu yang di atasnya di bina sesuatu yang lain bersandar kepadanya. Disebut dalam kamus *al-Misbah al-Munir* asal bagi sesuatu ialah sesuatu yang menjadi dasarnya, sebagaimana asas bagi tembok.

Berdasarkan ayat di atas, jelas menunjukkan keyakinan kita betapa agama yang sebenarnya di sisi Allah SWT ialah Islam adalah agama para Nabi dan Rasul.

Semoga kita sentiasa istiqamah dan memahami ajaran Islam serta menghayatinya hingga ke akhir usia. Amin.